



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 4 TAHUN 2015

PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGURUSAN HUTAN KAWASAN HUTAN TEBUS – GUNA DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

1. LATAR BELAKANG

1.1. Hutan Tebus-Guna Tanah (HTG) merupakan salah satu daripada kelas fungsi kegunaan hutan bagi Hutan Simpanan Kekal (HSK) sebagaimana keperluan di bawah seksyen 10(1) (c), Akta Perhutanan Negara (APN) 1984. Keperluan untuk menubuhkan kawasan HTG dalam HSK adalah juga selaras dengan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang menyatakan bahawa HSK perlu diurus dan diklasifikasikan di bawah empat fungsi utama iaitu Hutan Perlindungan; Hutan Berhasil; Hutan Lipur dan Hutan Penyelidikan dan Pendidikan.

1.2. Definisi HTG adalah kawasan hutan yang mengalami proses penambakan sama ada secara semulajadi atau buatan yang berpotensi membentuk kawasan berhutan. Proses penubuhan HTG merupakan satu aktiviti untuk memperbaiki kerosakan alam sekitar. Sebagai contoh, jika pantai menjadi teruk terhakis, pemulihan pantai boleh dilakukan melalui penambakan tanah. Penambakan tanah juga digunakan bagi memulihkan kawasan-kawasan hutan yang mengalami kemerosotan tanah, bagi meningkatkan kesuburan tanah untuk dijadikan kawasan berhutan.

2. SKOP

2.1. Panduan ini merangkumi aspek penentuan kawasan, penubuhan, pemantauan dan preskripsi pengurusan kawasan HTG.

2.2. HTG dalam panduan ini adalah kawasan HSK yang diwartakan sebagai HTG di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

3. OBJEKTIF PANDUAN

Objektif panduan ini ialah untuk menyeragamkan kaedah penubuhan dan pengurusan kawasan HTG dalam HSK di Semenanjung Malaysia.

4. PENENTUAN HUTAN TEBUS-GUNA TANAH

Kawasan HSK yang dicadangkan sebagai HTG hendaklah mempunyai mana-mana satu atau lebih ciri-ciri berikut:

- 4.1. Kawasan beting lumpur dalam kawasan hutan paya laut
- 4.2. Kawasan penambakan secara semulajadi atau buatan di dalam kawasan hutan
- 4.3. Kawasan bekas lombong yang berpotensi untuk dipulihkan

5. PENUBUHAN HUTAN TEBUS-GUNA TANAH

5.1. Penilaian Kawasan

5.1.1. Pegawai Hutan Daerah (PHD) hendaklah mengenai pasti dan menilai kesesuaian kawasan cadangan untuk dijadikan HTG berdasarkan kriteria pemilihan kawasan di para 4.0.

5.1.2. PHD hendaklah menyediakan laporan penilaian kawasan dan mengemukakan kepada Pengarah Perhutanan Negeri (PPN). Laporan penilaian ini hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Daerah Hutan;
- ii. Nama HSK;
- iii. Nombor kompartmen;
- iv. Keluasan kawasan;
- v. Justifikasi pemilihan kawasan cadangan (huraikan ciri-ciri kepentingan pemulihan kawasan tersebut sebagai HTG);
- vi. Keadaan kawasan cadangan [contoh: sungai, tasik, paya dan topografi],
- vii. Sejarah kompartmen;
- viii. Klasifikasi fungsi hutan semasa [merujuk kepada Seksyen 10(1), APN, 1984];

- ix. Jalan perhubungan (darat dan air);
- x. Maklumat-maklumat lain (termasuk kawasan penempatan Orang Asli dan masyarakat setempat, kepentingan penduduk setempat, keadaan kawasan sekeliling, air masyarakat, kawasan rekreasi dan sebagainya);
- xi. Ulasan dan syor oleh PHD; dan
- xii. Pelan kawasan.

5.1.3. PPN hendaklah meneliti laporan ini dan memutuskan penubuhan HTG.

5.2. Penubuhan Kawasan

5.2.1. Keluasan Kawasan

Keluasan minimum yang dicadangkan bagi penubuhan HTG adalah seluas 1 hektar dengan mengambil kira ciri-ciri topografi sesuatu kawasan tersebut.

5.2.2. Pewartaan Hutan Tebus-Guna Tanah

- (i) PPN hendaklah mengemukakan cadangan penubuhan HTG kepada Pihak Berkuasa Negeri yang mengandungi perkara seperti berikut;
 - a. Kawasan yang dicadangkan;
 - b. Pelan yang menunjukkan sempadan kawasan yang dicadangkan;
 - c. Justifikasi penubuhan HTG; dan
 - d. Syor PPN
- (ii) PPN hendaklah mengemukakan satu salinan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri berserta pelan cadangan HTG kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan bagi tujuan penyediaan pelan warta.
- (iii) Selepas menerima pelan warta daripada Pengarah Ukur dan Pemetaan, PPN hendaklah menyediakan draf warta pengelasan kawasan HSK sebagai HTG kepada Penasihat Undang-Undang Negeri.
- (iv) Selepas menerima pelan warta yang dipersetujui oleh Penasihat Undang-Undang Negeri, PPN hendaklah menandatangani dan

mengemukakan semula kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk disiarkan.

5.2.3. Penandaan Sempadan

Sempadan kawasan HTG hendaklah ditanda di atas peta klasifikasi fungsi hutan di Pejabat Perhutanan Negeri, Pejabat Hutan Daerah dan Pejabat Renj Hutan.

5.2.4. Papan Tanda

- (i) Papan tanda perlulah diletakkan di tempat yang strategik seperti kawasan HTG;
- (ii) Papan tanda HTG hendaklah mempunyai maklumat seperti nama HSK, keluasan, tahun penubuhan, dan nombor warta; dan
- (iii) Latar belakang papan tanda ini hendaklah berwarna kuning muda dan tulisan berwarna hitam seperti contoh di Lampiran I.

6. PENGURUSAN KAWASAN

6.1. Pemantauan

6.1.1. PHD adalah bertanggungjawab untuk memastikan aktiviti pemantauan dilaksanakan ke atas kawasan HTG. Antara kaedah pemantauan yang boleh digunakan ialah melalui:

- (i) Pemeriksaan di lapangan;
- (ii) Aplikasi *remote sensing* yang sedang berkuatkuasa seperti *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS) ; dan
- (iii) Pemantauan udara.

6.1.2. Pemantauan kawasan HTG hendaklah dilaksanakan seberapa kerap yang mungkin dan laporan pemantauan hendaklah disediakan setahun sekali.

6.1.3. Laporan pemantauan hendaklah dikemukakan kepada PPN menggunakan format seperti di Lampiran II.

6.1.4. Sekiranya dikesan berlakunya pencerobohan atau kesalahan hutan lain, laporan terperinci hendaklah serta merta kepada PPN.

6.2. Perskripsi Pengurusan

Perskripsi pengurusan HTG hendaklah dimasukkan dalam Rancangan Pengurusan Hutan Negeri (RPH) dengan meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Objektif, matlamat dan strategi pengurusan;
- (ii) Maklumat asas kawasan;
- (iii) maklumat perancangan jangka panjang;
- (iv) Latar belakang mengenai sejarah pengurusan hutan;
- (v) Tatacara kawalan dan pemantauan kawasan; dan
- (vi) Penyelidikan dan pembangunan (R&D).

7. KESIMPULAN

Panduan ini membantu JPN untuk mengenalpasti, menentukan dan mengurus kawasan HTG secara teratur dan seragam dalam HSK di Semenanjung Malaysia.

8. TARIKH

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”

“1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ ABD. RAHIM)

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh: 27 Januari 2015

GLOSARI


Forest Monitoring Using Remote Sensing (FMRS)

Aplikasi GIS atas talian yang menggunakan imej *remote sensing* dan data geospasial hutan berkaitan bagi tujuan pemantauan dan pengesanan perubahan hutan secara makro dan mikro yang dibangunkan hasil kerjasama antara Agensi Remote Sensing Malaysia dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Beting Lumpur

Timbunan pasir atau lumpur yang panjang di kuala sungai atau di laut.

**CONTOH PAPAN TANDA
HUTAN TEBUS-GUNA TANAH (HTG)**



**LAPORAN PEMANTAUAN
KAWASAN HUTAN TEBUS-GUNA TANAH (HTG)**

Tahun:

(laporan ini hendaklah disediakan berasingan bagi setiap HTG)

No. Warta HTG:

Nama Hutan Simpanan Kekal:

Daerah Hutan:

Negeri:

1. Kaedah pemantauan

(isikan maklumat dalam ruangan mengikut kaedah pemantauan yang dijalankan)

(i) Pemantauan Udara:

(a) Tarikh Pemantauan:

(b) Pegawai Pemantau:

Bil	Nama	Jawatan

(c) Penemuan:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(ii) *Forest Monitoring Using Remote Sensing (FMRS)*

Tarikh	Nama & Jawatan Pegawai Pemantau	Penemuan

Catatan: Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi

(iii) Pemeriksaan di lapangan:

(a) Tarikh pemeriksaan:

(b) Nama & Jawatan Ketua Pasukan:

(c) Ahli Pasukan:

Bil	Nama	Jawatan

Catatan: Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi

(d) Kawasan semakan: (nyatakan lokasi, koordinat dan nyatakan pelan yang menunjukkan kawasan semakan)

.....
.....
.....
.....
.....

(e) Penemuan: (lampirkan gambar)

.....
.....
.....
.....
.....

Catatan: Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi

2. Perkara-perkara lain:

.....
.....
.....
.....
.....
.....

3. Ulasan Pegawai Hutan Daerah:

.....
.....
.....
.....
.....
.....

Tandatangan: Tarikh:

Nama:

Pegawai Hutan Daerah: